

**TEKS UCAPAN DATO' SRI KSU**  
**SEMINAR KEJURUTERAAN PAIP & PERANCAH**  
**SETIA CITY CONVENTION CENTRE**  
**29 MAC 2017**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalammualaikum WarahmatuLahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

Terlebih dahulu, marilah sama kita memanjatkan rasa puji dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-NYA jua, kita dapat berkumpul dalam seminar pada petang ini. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) selaku penganjur utama program pada hari ini dan tidak ketinggalan pihak Hiap Teck Venture Berhad (HTVB) kerana sudi menjemput saya untuk perasmian penutup “**SEMINAR KEJURUTERAAN PAIP DAN PERANCAH**” di Setia City Convention Centre, Shah Alam, Selangor.

Di samping itu, ucapan terima kasih juga ingin saya tujukan kepada tuan/puan di atas kehadiran ke program ini. Ternyata kehadiran pada hari ini menunjukkan komitmen tuan/puan untuk menjayakan program-program anjuran Kerajaan melalui Kementerian Kerja Raya.

Saya telah dimaklumkan bahawa antara objektif utama penganjuran seminar pada hari ini adalah :

- (i) Memperkenal dan menyedarkan kontraktor binaan Bumiputera kepentingan latihan serta pembelajaran berterusan dalam merealisasikan konsep pembelajaran sepanjang hayat (*life long learning*). Ini akan memastikan kontraktor binaan Bumiputera lebih berdaya saing dan kompeten dalam industri pembinaan;
- (ii) Memperkasakan jati diri dan semangat juang kontraktor binaan Bumiputera khususnya dalam menghadapi serta menangani cabaran dan persaingan dalam pelbagai bidang ekonomi serta perniagaan yang semakin sengit dan getir dalam arena global masa kini; dan
- (iii) Memberikan pendedahan akan teknologi paip dan perancah (*scaffolding*) kepada peserta dari segi rekabentuk, pematuhan piawaian, cara penggunaan serta pematuhan kualiti dalam penggunaan paip dan perancah (*scaffolding*).

Tuan-tuan dan puan-puan,

### **Construction Industrial Transformation Programme (CITP)**

Seperti yang sedia maklum, di bawah Kementerian Kerja Raya, Program Transformasi Industri Pembinaan (*Construction Industry Transformation Programme - CITP*) telah mula dilaksanakan semenjak tempoh bermulanya RMK-11. Program ini telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri sendiri pada 10 September 2015 di mana industri pembinaan di Malaysia perlu melalui fasa transformasi menjadi sebuah industri yang berdaya tinggi dari segi produktiviti, teknologi dan pengurusan, dan

menjadi salah satu penyumbang terbesar ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Industri Pembinaan Malaysia sedang melalui fasa transformasi menerusi 4 Teras Strategik CITP iaitu:

- 1) Peningkatan Kualiti, Keselamatan & Kesihatan dan Profesionalisme secara keseluruhan;
- 2) Penerapan kelestarian alam sekitar di dalam fasa rekabentuk, pembinaan dan penyenggaraan bangunan dan infastruktur;
- 3) Peningkatan produktiviti di dalam industri secara keseluruhan; dan
- 4) Peningkatan daya saing pemain industri tempatan bagi pasaran antarabangsa.

Di bawah CITP, **inisiatif Bumiputera** adalah di bawah **Teras Strategik 3, peningkatan produktiviti** iaitu memberi fokus kepada peningkatan pembangunan kemampuan dan kapasiti usahawan binaan Bumiputera. Pembangunan yang dirancang dan sedang dilaksanakan adalah bertujuan memastikan usahawan binaan Bumiputera akan terus kekal bersaing secara kompetitif di pasaran tempatan dan global termasuk penglibatan dalam projek-projek mega yang bernilai dan berimpak tinggi serta penglibatan yang lebih ramai di dalam projek-projek swasta.

Tuan-tuan dan puan-puan,

### **Industrialised Building System (IBS)**

Untuk merealisasikan Teras Strategik tersebut di atas beberapa inisiatif telah dikenalpasti, dan salah satu daripadanya adalah pelaksanaan konsep **Sistem Binaan Berindustri (*Industrialised Building Systems*)**

- **IBS**) dalam projek pembinaan. Ini bertepatan dengan hasrat kerajaan bagi mengindustrikan sektor pembinaan untuk menjadikannya lebih berdaya saing, berkualiti tinggi, peningkatan produktiviti, dapat mempercepatkan tempoh pembinaan di samping pengurangan kadar pergantungan tenaga buruh asing.

Dalam hal ini, ia membuka peluang untuk para usahawan terutamanya usahawan binaan Bumiputera untuk menceburi bidang IBS. IBS merupakan gelanggang baru dalam sektor pembinaan bagi usahawan binaan Bumiputera. Peluang yang ada bukan setakat sebagai kontraktor pemasangan IBS tetapi lebih kepada perekabentuk dan pengeluar komponen IBS yang berpandukan kepada konsep Kordinasi Modular (*Modular Coordination- MC*).

Menyedari akan kelebihan serta faedah pelaksanaan konsep IBS, kerajaan telah memperuntukan RM500 juta di bawah program Dana Promosi IBS bagi pinjaman mudah kepada pemaju dan kontraktor kategori G5 dan ke bawah yang disalurkan melalui SME bank. Ini telah diumumkan dalam pembentangan Bajet Tahun 2016.

Tuan-tuan dan puan-puan,

### **Building Information Modelling (BIM)**

Satu lagi inisiatif terkini telah dikenalpasti bagi memperkasakan industri pembinaan Negara iaitu Pemodelan Maklumat Binaan (*Building Information Modelling - BIM*). BIM adalah aplikasi bagi paparan visual untuk projek pembinaan dan infrastruktur. Penggunaan BIM dalam

proses rekabentuk membolehkan pelanggan melihat dengan jelas hasil produk yang akan dibina dari pelbagai sudut; luaran serta dalaman binaan.

Dengan ini proses interaksi di antara pelanggan dan pemaju serta kontraktor akan lebih bermakna kerana pelanggan akan dapat memaklumkan dengan jelas ciri-ciri binaan yang mereka idamkan. Dengan BIM semua perincian kerja pakar termasuk elektrik, mekanikal, ICT dan sistem kumbahan antaranya akan diintegrasikan dalam satu Lukisan Bersepadu BIM. Hari BIM Kebangsaan 2015 telah dilancarkan pada International Construction Week 2015 yang telah berlangsung pada 7 September 2015 oleh Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Datuk Rosnah binti Abdul Rashid Shirlin.

Teknologi BIM telah dilaksanakan dalam beberapa projek pembinaan. Di antaranya, Institut Kanser Negara dan Bangunan Pentadbiran SPRM di Shah Alam. Kementerian Kerja Raya akan terus memperluaskan penggunaan teknologi BIM ini dalam pelaksanaan projek – projek RMK-11.

Tuan-tuan dan puan-puan,

### **Inisiatif di bawah Bahagian Pembangunan Kontraktor & Usahawan (BPKU)**

Bagi mendokong aspirasi Kerajaan dalam memperkasakan penggiat industri binaan Bumiputera, Kementerian Kerja Raya melalui BPKU telah melaksanakan beberapa penambahbaikan dalam proses

pengeluaran Sijil Taraf Bumiputera (STB) bagi tujuan mempercepatkan dan mempermudah permohonan STB dan mengurangkan aduan serta rungutan di kalangan usahawan binaan Bumiputera.

Bermula tahun 2016, tempoh pemprosesan bagi permohonan pembaharuan STB berjaya dicapai dalam tempoh **7 hari bekerja berbanding 14 hari bekerja** sebelum ini. Manakala **tempoh pemprosesan bagi permohonan baru STB** berjaya diselesaikan dalam tempoh **14 hari bekerja berbanding 30 hari** bekerja sebelum ini.

Tuan-tuan dan puan-puan

Bermula bulan **Januari 2017**, BPKU telah **menguatkuasakan sepenuhnya permohonan STB dibuat secara dalam talian 'online' melalui Sistem Maklumat Bersepadu (SMB) di laman web CIDB**. Ini akan mempercepatkan dan mempermudah lagi proses permohonan STB serta menjimatkan kos perjalanan kepada usahawan binaan Bumiputera.

Antara bantuan lain yang disediakan oleh Kementerian Kerja Raya melalui BPKU adalah bantuan pembiayaan wang pendahuluan projek dalam bentuk pinjaman yang dikenali sebagai Skim Kumpulan Wang Amanah Kontraktor (SKWAK). Pinjaman ini diberikan kepada kontraktor G1-G5 yang telah mendapat projek persekutuan yang di pantau oleh JKR. Pada tahun 2016, seramai **10 kontraktor Bumiputera** telah menerima bantuan dengan nilai pinjaman sebanyak **RM6.2 juta**.

Tuan-tuan dan puan-puan,

BPKU sedar bahawa dalam era yang mencabar dalam industri pembinaan, kita mengambil pendekatan bahawa sudah sampai waktunya pemain industri Bumiputera untuk keluar daripada zon selesa dengan terlalu bergantung kepada kerja-kerja daripada pihak Kerajaan. Bermula Disember 2014, KKR dengan kerjasama Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT), CIDB & PKMM telah melaksanakan program CNAR, di mana kontraktor kecil digalakkan untuk menceburi bidang ubahsuai premis kediaman B28. Bidang ini mempunyai potensi yang luas dan nilai kerja yang menguntungkan di mana purata kerja untuk sebuah rumah yang diubahsuai adalah RM50 ribu. Saya percaya peluang ini harus diambil dan tidak dilepaskan kepada kontraktor asing.

Selain itu juga, BPKU juga telah mengadakan sesi libat urus dengan pihak Prasarana bagi projek LRT 3, di mana nilai kerja **RM60 juta** telah dikenalpasti akan diagihkan kepada kontraktor **kelas G2-G4 pada April 2017 ini**. Diharapkan dengan usaha sedemikian, pemain industri Bumiputera dapat bersaing dan menceburkan diri dalam projek *landasan rail*. Saya menyeru kepada semua kontraktor yang ada pada hari ini untuk terus memberikan maklumbalas kepada BPKU akan perkara-perkara yang boleh membangunkan pemain kita pada masa akan datang.

Saya percaya banyak lagi inisiatif yang akan dirangka dan dikenalpasti oleh pihak Kementerian Kerja Raya melalui BPKU bagi memastikan usahawan binaan Bumiputera terus bersaing dalam sektor pembinaan.

Saya berharap seminar yang diadakan pada hari ini telah memberi manfaat dalam memajukan diri tuan-tuan dan puan-puan para peserta sekalian.

## **PENGHARGAAN**

Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah berusaha bagi menjayakan seminar. Terima kasih diucapkan kepada Hiap Teck Venture Berhad (HTVB) melalui anak syarikatnya Alpine Pipe Manufacturing Sdn Bhd atas kesudian untuk bekerjasama dengan KKR dalam memajukan pemain industri pembinaan di kalangan Bumiputera. Kepada para peserta yang hadir, terima kasih juga diucapkan dan tahniah serta syabas kerana berjaya menyertai program-program anjuran KKR.

Sehubungan itu, dengan lafaz BismillahirRahmanirRahim, saya dengan ini rasminya menutup “**SEMINAR KEJURUTERAAN PAIP DAN PERANCAH**” di Setia City Convention Centre, Shah Alam, Selangor pada hari ini.

Sekian, Wabilahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.